

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : 04 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mempertimbangkan cadangan untuk membina sebuah sekolah agama berasrama penuh di Arau sebagai medium institusi pembangunan modal insan secara holistik dengan menekankan konsep pendidikan Islam sebagai teras utama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan yang selesa kepada semua murid di seluruh negara, termasuk juga untuk aliran agama. Bagi menampung keperluan pendidikan murid aliran agama di negeri Perlis, KPM telah menyediakan dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), iaitu SMKA Arau dan SMKA (Perempuan) Alawiyah Kangar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga telah mengemukakan permohonan untuk pembinaan sebuah lagi SMKA baharu di Perlis dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) *Rolling Plan* 1 bagi tahun 2021. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada pertimbangan agensi pusat dan kedudukan kewangan kerajaan.

Sehubungan ini, KPM berpandangan bahawa SMKA sedia ada dan SMKA yang dirancang akan berupaya untuk menampung keperluan pendidikan bagi murid aliran agama di seluruh negeri Perlis, termasuk di kawasan Arau.

Sekian, terima kasih.